

[Home](#) / [2024](#) / [December](#) / Program Pengajaran Kolaboratif (Industri – Universiti) Tentang Pembangunan Tanah di Malaysia

BERITA SINERGI

12/12/2024 / DR FAZLY AMRI MOHD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Perlis
Kampus Arau

Anjuran:
Kolej Pengajian Alam Bina (KAB) , UiTM Cawangan Perlis

Penaja : PEJUTA

PENGAJARAN KOLABORATIF (INDUSTRI – UNIVERSITI)

GSS310, GSS345, GLS519 &GLS 691

PEMBANGUNAN TANAH DI MALAYSIA

- PENGENALAN PEMBANGUNAN TANAH DI MALAYSIA
- APLIKASI PECAH SEMPADAN, PECAH BAHAJIAN, CANTUMAN DAN SERAHAN & KURNIAAN SEMULA
- PERANAN JURUUKUR DALAM PEMBANGUNAN TANAH

PODIUM | BLOK A

11 DISEMBER 2024 , RABU

10.00 PAGI -12.30 TENGAH HARI

Lsr AHMAD WIZAN BIN MOHD THAN I

Naib Presiden PEJUTA

Unleashing Potentials
Shaping the Future

UITM di hati kami

اوسمها، تقوى موليا

Arau, 11 Disember 2024 – Satu program Pengajaran Kolaboratif (Industri – Universiti) tentang Pembangunan Tanah di Malaysia telah diadakan di Podium, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis Kampus Arau pada pagi tadi. Program ini merupakan program anjuran Kolej Pengajian Alam Bina bersama Persatuan Jurukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA) selaku penaja program.

Tetamu yang turut hadir semasa program ini ialah YBrs. Sr Dr Rohayu Haron Narashid, selaku Ketua Pusat Pengajian, Sr Ashnita Rahim (Koordinator Program), barisan pensyarah dan 130 orang pelajar Diploma serta pelajar Ijazah Sarjana Muda, dari Kolej Pengajian Alam Bina, UiTM Cawangan Perlis.

Program yang julung kali diadakan ini disampaikan oleh YBrs. LSr Ahmad Wizan Bin Mohd Thani (Naib Presiden PEJUTA). Selama hampir dua jam program berlangsung, YBrs. LSr Ahmad Wizan telah menerangkan tentang pembangunan tanah di Malaysia serta memperkenalkan aplikasi pecah sempadan, pecah bahagian, cantuman dan serahan dan kurniaan semula serta peranan jurukur dalam pembangunan tanah di Malaysia khususnya.

Program Pengajaran Kolaboratif (Industri – Universiti) anjuran Kolej Pengajian Alam Bina ini diharapkan dapat diteruskan bagi membolehkan para pelajar dan pensyarah mendapat informasi terkini mengenai pembangunan tanah di Malaysia.